

PERUBAHAN TEKNOLOGI PERKAKAS MEMASAK:  
PENGKAJIAN KE ATAS PERIUK MEMASAK NASI ELEKTRIK.

SEDIAKAN OLEH:

MOHAMAD FADZIL B. CHE RUS.

86114704

DIPLOMA SENIREKA PERUSAHAAN  
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA

1989/90

## **SINOPSIS.**

Dalam arus perkembangan teknologi masakini, banyak barang keperluan harian dicipta untuk memudahkan perjalanan hidup manusia. Memasak makanan kadang-kala merupakan satu proses yang melambatkan dan memerlukan ketelitian, tetapi pada masa ini banyak proses memasak ataupun penyediaan makanan telah dapat dipermudahkan dengan adanya perubahan teknologi yang dilakukan, terutamanya dengan penggunaan tenaga elektrik.

Tujuan periuksmemasak nasi elektrik dipilih sebagai bahan kajian dalam penulisan saya ini adalah kerana ia merupakan perkakas rumah yang penting dan semakin mendapat perhatian ramai di Asia Tenggara, khususnya di Malaysia dimana nasi adalah merupakan makanan utama bagi hampir kira-kira 3000 juta penduduk Asia yang sedang pesat membangun. Di samping itu juga, saya ingin mengetahui dengan lebih mendalam tentang peralatan memasak nasi yang digunakan kini dan juga ingin mengetahui atau cuba mengenegahkan pada orang ramai terhadap peraturan atau cara menggunakan periuk nasi elektrik dengan betul.

Dalam penghasilan tesis ini, saya telah menggunakan kaedah-kaedah 'Primary Data' dan 'Secondary Data'.

## PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM.

Syukur ke hadrat Allah s.w.t dengan keizinan dan limpah kurniaNya, dapatlah saya menyiapkan tesis ini.

Selawat dan salam kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w, keluarga dan para sahabat. Doa kesejahteraan buat semua pembaca sekalian, semoga kita semua berada di dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah selalu hendaknya.

Di dalam proses penyiapan tesis ini, Penulis telah melakukan beberapa kajian untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berguna dan maklumbalas melalui kajiselidik mengenai peralatan memasak nasi dan sebagainya. Maklumat yang diperolehi, didapati melalui kaedah 'Primary Data' dan 'Secondary Data'. Kerjasama yang diberikan dalam penulisan tesis ini adalah dari mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Terima kasih diucapkan kepada Tuan Haji Azali Rahim Pensyarah Jabatan Senireka Perusahaan yang bertindak sebagai Penasihat di atas nasihat, pandangan serta kritikan yang membina di dalam proses penyiapan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada mereka-mereka yang terlibat iaitu;-

ISI KANDUNGAN HALAMAN.

Perkakas Memasak Elektrik .....	18 - 20
Bahan Pembuatan .....	21 - 22

BAB 3

---

Kaedah Memasak Makanan .....	23 - 24
Kaedah Penyediaan Nasi .....	25 - 27
Lain-lain, Perkakas Memasak .....	28 - 29

BAB 4

---

Periuk Nasi Elektrik .....	30
Ciri-ciri Rekaan Barangan Jepun .....	31
Sejarah dan Perkembangan Pembuatannya .....	32 - 35
Periuk Nasi Elektrik Moden .....	36 - 46
Litar Elektrik .....	47 - 50
Proses atau operasi Penggunaan .....	51 - 53

BAB 5.

---

Penerimaan Masyarakat Malaysia .....	54 - 58
Masa Depan Penggunaannya .....	59 - 61
LAMPIRAN .....	62 - 73
PENUTUP .....	74 - 76
BIBLIOGRAFI .....	77

## PENDAHULUAN.

## PENGENALAN.

Dalam dunia yang serba moden dan lengkap sekarang ini, kehidupan manusia telah banyak berubah terutamanya berkisarkan kepada penggunaan alatan atau perkakas harian rumah. Sesungguhnya perubahan teknologi telah memberikan satu kesan positif kepada pengguna-pengguna. Penerimaan masyarakat dari perubahan teknologi yang dilakukan adalah untuk menyesuaikan diri mereka dengan alam sekeliling serta masyarakatnya. Tidak dapat dinafikan juga masih terdapat lagi sebilangan orang ramai yang masih belum lagi dapat menerima perubahan tersebut, kadangkala bukan mereka tidak mahu menerima perubahan tetapi perkara ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara dasar yang lain seperti ekonomi, kebudayaan, juga sosio-budaya kehidupan mereka.

Apa yang cuba dipertekankan di sini adalah pengkajian tentang perubahan teknologi memasak nasi, dihubungkan dengan penerimaan pengguna terhadap teknologi tersebut yang kebanyakannya diperkenalkan dari negara-negara luar. Seterusnya untuk mendapatkan objektif sebenar, Penulis cuba mengimbas kembali satu proses perubahan dalam teknologi memasak yang mana banyak akan diperkatakan tentang perkakas memasak nasi.